

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 18 RABU 3HB. MEI 1972 1392 ربيع الاول 19 PERCHUMA



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika melafadzkan titah di-rapat tersebut.

D.Y.M.M. MENYERTAI RAPAT RAKSAKSA MENYAMBUT MAULUD NABI s.a.w.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Padang Besar Bandar Seri Begawan untuk menyertai sambutan Maulud Nabi s.a.w. bersama beribu2 rakyat baginda pada hari Rabu lepas.

Rapat dan perarakan raksaksa itu telah di-amal bahagian oleh lebih dari 10,000 orang umat Islam di-Daerah Brunei-Muara.

Turut juga hadir dalam sambutan yang di-adakan sa-chara besar2an itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiyah, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Y.A.M. Cheteria2 dan Pehin2.

Duli Yang Maha Mulia telah melafadzkan titah di-rapat itu dan sa-terus-nya diperkenalkan kepada ketua2 pasukan yang

menyertai perarakan tersebut.

Titah baginda sa-penoh-nya ada-lah sa-perti berikut:

TITAH D.Y.M.M.

ASSALAMUALAIKUM-warahmatullah-hewabarkatuh, Alhamdulillah, salawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W. serta sekalian sahabat baginda yang ikhlas dan jujur dan yang beroleh keredhaan dari Allah seru sekalian alam.

Beta bershukor kepada Allah Subhana-hu-wataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat-lah beta hadir di-majlis yang berkat ini untuk bersama2 menyambut dan meraikan ulang tahun keputeraan junjangan besar Saidina Mohammad S.A.W.

Beta juga merasa sangat gembira dan berterima kasih kerana di-beri kesempatan bagi melepaskan sa-patah dua tiga ucapan dalam majlis yang gemilang lagi berkebajikan ini. Dan dengan kesempatan ini pula

beta dapat menikmati keindahan dan keberkatan hari Maulud bersama2 umat Islam dan rakyat beta yang di-kaschi, yang pada hari ini telah keluar beramai2 berarak dengan penoh keriangian sambil mengucap salawat dan puji2an yang tinggi kepada Allah Subhanahu-Wataala yang telah mengutus sa-orang hamba pilehan-nya, Saidina Mohammad S.A.W.

Bersempena hari bersejarah ini, sukachita dan ingin beta tegaskan bahawa sambil kita menyambut atau meraikan ulang tahun keputeraan junjangan besar Saidina Mohammad S.A.W., maka yang lebih utama untuk di-amal perhatian ia-lah untuk mengulangkaji semula peri kehidupan baginda itu, baik melalui perkataan2 atau sabda hikmat baginda atau yang di-namakan juga hadith dan sunah-nya mau pun sifat2 pembawaan dan pegangan hidup yang meliputi segala perinsip yang di-gunakan bagi mengatorkan masyarakat Islam yang cergas, jujur amanah dan bertakwa kepada Allah Subhanahu-wataala, serta chintakan kepada tanah ayer dan laila bertanggung-jawab pada memajukan negeri dan kaum bangsa-nya.

Beta sentiasa bershukor kerana Islam ada-lah sa-bagai ugama bagi sa-bahagian terbesar dari rakyat atau penduduk-nya ia-itu semenjak beratus2 tahun lama-nya di-negeri kita Brunei Darus-salam ini. Dan semenjak itu pula Ugama ini telah berjaya pada melahirkan sumbar peribadi yang amat berfaedah di-kalangan rakyat dan penduduk negeri ini sa-hingga dapat membentuk adat resam yang tinggi bagi bangsa dan negara di-atas dasar mengukuhkan persahafaman dan ta'at setia yang semua itu melambangkan keikhlasan dan iman, serta chinta kepada keamanan dan ketenteraman dan yang sangat mustahak menghormati peratoran atau undang2.

(Lihat muka 8)

Penasehat Umum D.Y.M.M. melawat Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa telah membuat lawatan ka-kampung2 pedalaman di-Daerah Tutong hari Khamis minggu lalu.

Yang Berhormat yang di-iringi oleh Awang Selamat bin Munap, sa-orang Pegawai Pentadbir telah di-sambut oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh yang kemudian-nya membawa Yang Berhormat itu melawat ke-9 buah Pejabat2 Kerajaan di-Pekan Tutong.

Yang Berhormat itu kemudian-nya menaiki sa-buah Land Rover untuk pergi ka-Tasek Merimbun, sa-jauh 16 batu dari Pekan Tutong, dalam perjalanan sa-lama satu jam 15 minit melalui jalan kechil yang di-bena oleh Pejabat Daerah Tutong.

Turut bersama2 dalam lawatan itu termasuk-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pg. Anak Salleh; Pemangku Pengarah Pertanian, Awang B.R. Hewitt dan Penolong Pegawai Pertanian Daerah Tutong, Awang Abu Bakar bin Abd. Rahman.

Sa-panjang perjalanan melalui beberapa buah kampung2 pedalaman di-Daerah Tutong, Penasehat Umum itu telah dapat memerhatikan kehidupan penduduk2 kampung sa-chara dekat.

Yang Berhormat dan rombongan tiba di-Tasek Merimbun jam 11.45 pagi dan ber-rehat di-Balai Raya sa-lama 45 minit sambil menyaksikan kawasan tasek itu dan menanda tangani buku lawatan di-Balai Raya itu.

(Lihat muka 8)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja dan Pengiran Othman sedang meneliti peta kawasan Kampung Tasek Merimbun sa-masa berehat di-balai raya di-kampung itu.

T. Y. T. P'jaya Tinggi di-kurniakan Bintang Kebesaran D. K.

BANDA RSERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Diraja Seri Laila Utama Yang Amat Di-Hormati kepada Tuan Yang Terutama Pe-

surohjaya Tinggi British, Awang Peter Gautrey.

Pengurniaan itu ada-lah sa-bagai memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei dalam bulan Februari yang lalu.

Ini bererti tidak ada-nya persembangan dalam pelajaran Agama dengan mata pelajaran lain. Saya fikir ini ada-lah kerana beberapa sebab:-

- i. Bangunan sekolah yang tidak mencukupi bagi menempatkan murid2 di-sebelah pagi sahaja.
- ii. Pertambahan murid2 lebih deras daripada pertambahan sekolah.

Selagi masa'alah ini tidak dapat di-atasi maka hal tidak ada-nya persembangan ini mungkin tidak boleh di-atasi. Walau bagaimana pun satu rancangan baharu telah pun di-setujui di-antara Jabatan Pelajaran Negara dan Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei ia-itu mata pelajaran Agama telah di-mulakan dari Darjah I di-sekolah2 Melayu bagi seluruh negeri. Tapi sa-bagai langkah pertama pada 1972 ini hanya di-jalankan di-sekolah2 Daerah Brunei I dulu. Sa-telah itu baharu-lah akan di-jalankan di-sekolah2 lain. Ini mungkin akan mengambil masa 3-4 tahun sebelum di-seluruhkan di-semua sekolah2. Ada-lah di-anggarkan dalam tahun 1977 sekurang2-nya semua kanak2 yang bersekolah rendah Melayu di- Daerah Brunei I akan dapat menerima pelajaran Agama, walau pun tidak bersekolah Agama.

Untuk ini satu sukatan pelajaran Agama Khas telah di-susun supaya dapat mengimbangi sukatan pelajaran sekolah2 Agama sekurang2-nya dalam bahagian ibadat. Dan jika dapat buku2 teks-nya akan di-susun dan di-chetak dalam negeri dengan tidak payah membeli dari luar negeri. Rancangan ini sedang berjalan sekarang dan mudah2an akan siap tidak berapa lama lagi.

4. Pada masa ini ada sa-ramai 396 murid di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit di-antara-nya 92 orang murid dalam kelas Persediaan I dan II. Tujuan mengadakan kelas persediaan ini timbul dalam tahun 1969 ia-itu ketika di-dapati murid2 masuk ka-Tingkatan I sekolah itu menghadapi masa'alah yang besar.

Masa'alah yang pertama ia-lah bahasa. Boleh di-katakan mereka yang lulus Darjah VI sekolah Melayu yang masuk ka-Tingkatan I di-sekolah itu tidak faham bahasa Inggeris dan Arab. Sedangkan bahasa Melayu-nya supaya hanya boleh di-katakan sampai ka-Darjah IV dan V sahaja. Dari pemeriksaan yang teliti lagi, maka di-dapati murid2 itu tidak dapat memahami Ilmu Hisab Tingkatan I bahkan pencapaian mereka dalam Ilmu Hisab hanya sa-takat Darjah V sahaja. Ini bermakna mereka ini telah terchichir 2 tahun, dan oleh kerana itu sekolah Menengah Arab tidak dapat memulakan terus pelajaran Tingkatan I bahkan harus kembali ka-Darjah V dan VI. Maka keputusan pemeriksaan S.R.P. tahun 1968 telah menimbulkan kesan yang nyata dari kechichiran ini.

Maka pada tahun 1970 telah di-buat kelas persediaan, untuk menyediakan pelajaran pendahuluan sa-belum masuk ka-Tingkatan I. Dari pengalaman yang lepas dan sa-telah melihat hasil2 pemeriksaan Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan juga bahasa, maka ternyata murid2 yang lulus Darjah IV hanya baru mencapai kepandaian Ilmu Hisab Darjah III sahaja.

Saya oleh itu mengambil kesimpulan bahawa ada jurang yang dalam antara sekolah2 Rendah dengan sekolah Menengah. Dan hal

PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH2

(sambongan minggu lalu)

ini mesti-lah di-perbaiki dengan segera dalam semua segi pelajaran.

Salah satu chara yang di-jalankan pada masa ini untuk menolong dan menyedikitkan masa'alah "drop out" di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah/Raja Isteri Anak Damit ia-lah dengan di-tubuhkan kelas Tingkatan IV dan V Agama khas di-samping Tingkatan IV dan V yang biasa. Satu sistem telah di-setujui di-tubuhkan pada tahun 1972 ini bagi mengeluarkan Sijil Pelajaran Menengah Agama yang di-iktiraf sa-banding dengan Sijil S.P.M.

Murid2 yang memasuki peperiksaan S.R.P. ada-lah di-suruh memilih untuk memasuki Tingkatan IV Umum atau Tingkatan IV Khas ini. Tetapi mereka yang lulus S.R.P. di-galakkan masuk Tingkatan IV Umum dan murid2 yang tidak lulus tetapi mempunyai kelayakan maksimum dalam bahasa Melayu, Pengetahuan Agama Islam dan 2 mata pelajaran lain di-galakkan masuk kelas Agama Khas ini.

Ada-lah di-ranchangkan murid2 yang lulus dalam kelas Agama Khas ini akan mengambil peperiksaan kelayakan bagi memasuki Universiti Al-Azhar, Cairo, di-samping itu juga berkelayakan memasuki Maktab Perguruan Agama, Brunei. Perkara ini sedang di-jalankan dengan serious. Mungkin ada timbul pertanyaan sekolah2 nampak-nya kelas khas ini boleh turun darjah-nya atau nilai-nya. Jawapan-nya ia-lah TIDAK, kerana Jabatan Hal Ehwal Agama (Bahagian Pelajaran) menjaga darjah kelulusan itu sebenar-nya. Kerana murid2 yang tidak lulus S.R.P. itu ia-lah kerana tidak lulus dalam Ilmu Hisab atau Sains. Sedangkan hal ini buat pada masa ini tidak kita pentingkan dan lagi pula Sukatan Pelajaran dalam Tingkatan IV dan V kelas itu sa-banding dengan Tingkatan IV dan V umum terutama sekali ada pula di-masokkan mata2 pelajaran Ilmu Alam, Sejarah, Bahasa Inggeris, Lukisan dan lain2 di-samping pelajaran Agama.

Peperiksaan pertama bagi Sijil Pelajaran Menengah Agama ini akan di-adakan pada tahun 1973. Untuk ini sa-buah Lembaga Peperiksaan Pelajaran Agama telah di-tubuhkan, ia-itu bagi mengendalikan hal ehwal peperiksaan pelajaran Agama seperti ini.

5. Sekarang tiba-lah kita kepada masa'alah guru. Dalam membincangkan hal pelajaran maka guru atau tenaga pengajar tidak boleh di-ketapi.

Jumlah guru2 Agama pada masa ini sa-ramai 451 orang. Dari jumlah ini kira2 80 orang guru2 kontrek 109 orang guru pelatoh dan tiada terlatih. Jumlah ini belum mencukupi bagi kehendak pengajaran mata pelajaran Agama di-sekolah2 seluruh negeri. Dengan ada-nya Maktab Perguruan Agama Seri Begawan Sultan maka usaha pengeluaran guru2 terlatih yang baik dan lebih bernilai dari segi akademik akan dapat di-lipat gandakan. Mengikut rancangan mulai tahun 1975 Maktab Perguruan Agama Seri Begawan Sultan itu akan mengeluarkan 30 orang guru lathen rendah dan 30 orang guru lathen menengah.

Sa-belum ada lathen Maktab maka satu Kursus Perguruan Agama telah di-adakan mulai pada tahun 1966. Kursus ini telah di-tutup pada tahun ini — guru2 tempatan yang terlatih sekarang ini ada-lah terdiri daripada mereka yang lulus dari kursus Perguruan Agama ini. Hasil dari kursus sa-lama kira2 6 tahun maka sekarang ada kira2 200 orang guru tempatan terlatih. Mengikut yang sedang di-ranchangkan pada tahun 1976 tidak akan ada lagi guru2 pelatoh dan tiada terlatih. Dan pada tahun 1978 tenaga pengajar tempatan sudah boleh menggantikan tempat tenaga luar.

Barang kali euan2 akan bertanya. Bagaimanakah kelulusan akademik chalu2 yang di-ambil masuk Maktab Perguruan Agama Seri Begawan Sultan ini? Ada-kah sama dengan Maktab di-Gadong atau rendah?

Jawapan-nya: Sama bahkan boleh jadi ada sedikit lebih ketat syarat masuk-nya.

Bagi Kursus Rendah kita mensharatkan lulus S.R.P./L.C.E. dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dan Darjah VI sekolah Agama. Dan bagi Kursus Menengah (Kursus A) ia-lah lulus sekurang2-nya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dengan syarat lulus Pengetahuan Agama Islam, atau Sijil 'Am Pelajaran dengan syarat lulus 4 perkara di-perengkat 'O' dan salah satu daripadanya pengetahuan Agama Islam. Dan juga mesti-lah pandai membach Qur'an.

Untuk pengetahuan tuan2 sharat2 ini telah di-putuskan oleh Majlis Maktab Perguruan Agama Seri Begawan Sultan yang di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama. Majlis ini di-lantek oleh D.Y.M.M. bagi mengawal dan menjalankan dasar Maktab.

Tuan2 juga harus mengetahui kedudukan gaji lulusan Maktab ini. Bagaimana? Ada-kah sama dengan lulusan dari Gadong atau rendah. Jawapan saya sama — kechuali guru2 yang mendapat lathen rendah (kelulusan S.R.P.) akan masuk ka-dalam Tingkatan gaji D1-2-3EB4 ia-itu mereka yang telah lulus (Normal Training) dari Maktab itu akan masuk di-dalam bahagian \$260/-. Mereka yang telah tamat dari suatu kursus sa-lama tiga tahun masuk ka-bahagian \$280/-. dan mereka yang mempunyai S.R.P./L.C.E. akan mulai gaji dengan \$305/-. Mereka yang layak mengajar dua bahasa di-masokkan ka-dalam gaji permulaan \$320/-. Jadi-nya gaji mati guru2 ini ia-lah \$660/-. Mereka tidak masuk dalam Tingkatan gaji T2. Ini di-sebabkan, dari sejak awal sa-belum ada maktab itu lagi bahkan sejak ada-nya guru2 Agama di-negeri ini gaji mereka di-masokkan dalam D1-2-3EB4 itu jadi bila Maktab tertuboh Tingtangan gaji ini terus di-pakai.

Adapun guru lathen Menengah (lulusan S.P.M./M.C.E./S.A.P.) mereka di-masokkan ka-dalam Tingtangan Gaji T7 sama seperti guru2 Melayu dan Inggeris yang lulus dari Maktab Gadong tiada perbezaan dalam apa2 jua sharat. Maka soal kedudukan guru2 di-negeri ini tidak berbangkit sama sa-kali. Semua-nya sama. Dan hal

ini ada-lah satu kebanggaan kapad kita di-mana boleh jadi negeri kita ini-lah yang mula2 sa-kali memberikan taraf sa-demikian kapada semua guru2. Dan saya rasa sudah tentu-lah tidak akan timbul hal gaji apa lagi untuk menubuhkan Surohanjaya Penyiasat Gaji Guru2 sudah tentu tidak perlu.

MASA HADAPAN:

1. Satu soal yang selalu yang di-tanyakan oleh para penanya ia-lah "Apa-kah nasib sekolah Agama?" atau lebih tegas "Murid2 yang lulus dari Sekolah Menengah Arab" itu akan ka-mana?

Ini perlu kapada perinchian yang sangat memerlukan satisfiko. Sekolah Menengah itu menerima murid berdasarkan kehendak sekolah itu dan rancangan masa depan, maka tidak-lah ia memasokkan seberapa banyak yang ada.

Dari segi pelajaran maka nasib mereka itu ada-lah besar bagi di-hantar keluar negeri seperti di Kolej Islam Klang, Maktab2 yang lain, ka-Universiti2 di-luar negeri. Dan saya rasa tentu-lah tuan2 faham, ini bererti mereka mesti lulus dengan chemerlang. Jabatan Hal Ehwal Agama berpegang kapada dasar quality lebih penting daripada quantity. Hanya mereka yang benar2 layak dan di-fikirkan akan berjaya sahaja di-beri pertimbangan. Ini mungkin satu sharat ketat. Tetapi dengan keputusan peperiksaan S.P.M. di-sekolah2 itu pada tahun 1971 menghasilkan 6% mendapat Sijil I, 12% mendapat Sijil II, 50% mendapat Sijil III dan 20% mendapat S.A.P. dan hanya 12% gagal, saya rasa sharat ini boleh sangat di-jalankan.

Dari segi pekerjaan, maka walau pun sebenar-nya sekolah bukan-lah tempat memikirkan soal kerja, tetapi ini tidak-lah menghalang sekolah bagi turut menjadi salah satu pehak2 peranchang mencari kerja. Soal ini saya rasa maseh memerlukan tenaga guru yang sangat banyak bagi mengajar mata pelajaran Agama di-seluruh negeri berhubung dengan rancangan menyeluruhkan pelajaran Agama di-semua sekolah dari Darjah I. Pada tiap2 tahun ada kira2 4,000 orang kanak2 masuk dalam Darjah I dan bererti kita memerlukan tambahan guru baru lebih kurang 30 orang untuk mengajar Agama dalam Darjah I saja!

Di-samping itu Jabatan Hal Ehwal Agama ada-lah Jabatan yang besar banyak chawangan2-nya dan pekerja2 serta pegawai2-nya ada-lah di-perlukan umpama-nya kita memerlukan Imam2, Khatib2 yang berpengalaman Agama yang lebih baik dan beristem, yang lebih tau benar2 akan hal ehwal Agama dan tau pula hal2 yang sedang berlaku di-sekeliling-nya dan boleh membincangkan masa'alah itu sa-chaara moden. Tuan2 harus memikirkan ini satu hal yang agak jauh kerana ramai orang beranggapan kerja Imam dan Khatib itu satu kerja yang rendah mutu-nya. Tetapi bair saya berikan satu contoh yang benar2 berlaku di-Mesir, orang yang menjadi Imam mesjid pada masa ini ia-lah orang2 yang berdegree B.A. Azhar yang berkhutbah dengan tidak payah membach surat lagi yang sangat di-hormati dan di-segani. Ini tidak-lah bererti pula saya bermaksud lepasan sekolah Arab itu hanya untuk menjadi Imam2. Kerja ini hanya sangat kecil sahaja yang di-perlukan.

Di-samping itu dengan kelulusan mereka yang baik itu mereka sudah tentu akan mendapatkan kerja2 yang lain seperti orang2 lain juga, bahkan boleh jadi kebolehan mereka dalam Agama itu

(Lihat Muka 6)

PADA 12hb. Rabi'ul-Awal bersamaan dengan 26hb. April 1972 yang baru lalu, umat Islam, di-negeri ini telah mengadakan suatu sambutan Maulud Nabi s.a.w. sa-chara besar2an. Sambutan2 sa-demi-kian tentu-nya akan di-adakan pula di-daerah2 dan beberapa tempat di-negeri ini dengan berbagai2 chara dan bentuk-nya. Penyertaan berbagai2 pe-rengkat umat Islam dari kanak2, belia2 sa-hingga-lah membawa kepada orang2 tua di-dalam sambutan tersebut sangat-lah mengembirakan ke-rana hal itu ada-lah menanda-kan kasih sayang dan peng-hargaan kita kepada Rasulullah s.a.w.

Dalam pada itu jangan-lah pula di-lupakan bahawa tanda kasih dan penghargaan terha-dap sa-seorang pemimpin apa lagi sa-orang Nabi dan Rasul seperti Saidina Mohammad itu bukan-lah sa-takat menyer-tai perarakan2 tetapi apa yang lebih penting di-samping penyertaan itu ia-lah menimbulkan suatu kese-daran bagi menambahkan ke-kuatan iman dan kepatuhan kita terhadap pimpinan dan ajaran2 baginda.

Belum-lah besar arti-nya jika semangat yang berkobar2 yang di-tunjukkan di-dalam perarakan2 Maulud itu jika semangat itu tidak terbawa2 pada mematohi dan meng-amalkan ajaran2 baginda. Belum-lah banyak faedah-nya jika sa-kembali dari sambutan2 Maulud itu kita maseh berada dalam keadaan lama yang mal-las sembahyang tetap dengan kemalasan-nya, yang pemain judi tetap dengan perjudian-nya, yang jahil tetap dengan kejahilan-nya dan sa-bagai-nya. Tetapi mau-lah ada se-dikit sa-banyak perubahan yang membawa dan menuju kepada perbaikan diri masing2 sesuai dengan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w. baik dalam lapangan ibadat kita kepada Allah mau pun di-bidang kehidupan kita.

Bila kita menyebut tentang perubahan kehidupan bukan-lah kita bermaksud supaya umat Islam meniru sa-chara membabi buta perubahan2 zaman moden dengan tidak membedakan antara yang boleh mendatangkan faedah atau sa-balek-nya, kerana tin-dakan demikian lebih banyak mendatangkan keburokan2 kepada kita sendiri sebab ti-dak semua pengaruh2 datang itu boleh mendatangkan fae-dah2 kepada kita. Sa-bagai chontoh, kita ambil masalah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dengan tidak memperdulikan batas2 ugama Islam yang sekarang ini se-makin ketara kepada kita.

Sudah ramai anak2 muda Islam kita yang terlibat dalam

NABI MOHAMMAD PEMBAWA PERUBAHAN MANUSIA YG. AGONG

"Di-bawah pimpinan baginda-lah akhir-nya bangsa Arab yang telah hidup dalam zaman jahiliah menjadi khalifah di-bumi Allah"



KHUTBAH JUMA'AT

perkara ini. Orang2 yang ber-tunang sudah boleh berjalan berdua2an sama ada di-kha-layak ramai atau di-tempat2 sunyi tanpa sa-barang halang-an dari ibu bapa, malahan perkara ini sa-olah2 sudah menjadi kebanggaan anak2 muda kita.

Tetapi di-sebabkan kebiasa-an yang tidak di-batas itu bu-kan sedikit daripada anak2 muda kita yang terjerumus ka-dalam maksiat dan yang lebih malang lagi ada anak2 gadis itu menjadi korban ke-biasaan nafsu.

Bukan perubahan begini yang kita kehendaki di-zaman moden ini, tetapi biar-lah per-ubahan2 yang mendatangkan faedah dan kebajikan kepada diri, masyarakat dan negara. Kita perlukan perubahan pada

meninggikan pelajaran, me-ninggikan taraf hidup, me-ninggikan taraf kesihatan, me-ninggikan peribadatan kepada Allah dan sa-bagai-nya. Kita tidak-lah berkehendakkan per-ubahan2 yang sia2 atau yang boleh mendatangkan kerugian dan mudzarat kepada kita.

Nabi Mohammad s.a.w. ada-lah pembawa perubahan manusia yang paling agong di-dunia ini. Baginda telah me-nyelamatkan umat2 manusia di-dunia daripada kesesatan kapada jalan kebenaran, dari-pada kegelapan kapada sinar ilmu pengetahuan, daripada permusuhan kapada persau-daraan dan kasih sayang se-mua-nya daripada perkara2 yang tidak baik kapada per-kara yang baik.

Di-bawah pimpinan bagin-



Salah sa-buah pasukan yang menyertai perarakan Maulud di-Bandar Seri Begawan sambil mengusong sepandok yang memuji kebesaran Nabi Mohammad.

da-lah akhir-nya bangsa Arab yang telah hidup dalam za-man jahiliah menjadi khalifah di-bumi Allah, menjadi chon-toh dan tauladan penganut2 bukan Islam dan menekmati taraf kehidupan yang lebih baik dan lebih tinggi daripada bangsa2 lain.

Segala2-nya itu berpuncha daripada ta'at setia umat Is-lam dan mematohi pimpinan dan ajaran2 Nabi Mohammad, tetapi apabila mereka itu me-nyeleweng daripada ajaran2 Nabi Mohammad dan kekuat-an iman mereka sudah pudar, maka terlepas-lah keistimewaa-n mereka ka-tangan orang2 yang bukan Islam.

Maka dalam kita memper-ingati hari lahir pembawa per-ubahan yang agong itu, mari-lah kita menginsafi tentang ke-dudukan kita sekarang. Seki-ra-nya kita merasakan bahawa kita belum berjinak2 dengan ajaran Mohammad maka buat-lah langkah untuk men-dampingi-nya dan mendu-kong-nya dengan penoh ta'at dan setia demi untuk kesela-matan dan kebaikan kita hi-dup di-dunia dan di-akhirat.

Perayaan Maulud di-Daerah2 Temburong, Tutong

PEKAN BANGAR. — Dae-rah Temburong akan mera-yakan Maulud Nabi Moham-mad s.a.w. pada 13hb. mulai pukul 7.30 pagi.

Setia Usaha jawatankuasa perayaan itu Awang Ibrahim bin Haji Ahmad berkata, bo-rang2 untuk menyertai dalam perayaan itu boleh di-dapati dari ketua2 kampung, imam2 dan guru2 besar sekolah2 Me-layu dan Ugama di-daerah itu. Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan kepada setiausaha jawatankuasa perayaan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari Sabtu 6hb. Mei.

Sementara itu Daerah Tu-tong telah membentok sa-buah jawatan kuasa sambutan Mau-lud di-daerah itu dengan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Oth-man bin Pengiran Anak Mo-hamed Salleh.

Perayaan sambutan Maulud di-Daerah Tutong akan di-adakan pada 20hb. Mei de-ngan satu perarakan mengeli-lingi Pekan Tutong.

Perarakan itu terbuka kapa-da persatuan2 belia, sekolah2,

jabatan2 kerajaan, sharikat2 perniagaan, kampung2 dan ke-las2 dewasa.

Borang2 untuk menyertai perarakan itu boleh di-dapati dari Setiausaha Jawatankuasa di-Pejabat Tanah Tutong.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3hb. Mei, 1972 hingga ka-hari Selasa 9hb. Mei, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
3hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
4hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
5hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
5hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
7hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
8hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
9hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(3hb. Mei, 1972.)

KEHIDUPAN YANG MAKMOR

BERSEMPENA dengan sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan yang baru lalu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bertitah bahawa rancangan kemajuan dan usaha membina dalam segala lapangan atau jurusan yang di-perlukan oleh negeri akan dapat di-teruskan dengan berkekalan-nya suasana aman dan selamat di-dalam masyarakat dan Negeri Brunei Darussalam ini.

Baginda bertitah bahawa rayat dan isi di-dalam Negeri Brunei ini ada-lah bertanggung-jawab sa-bagai satu kewajipan mereka pada menggalak dan menganjorkan pada mengawal keamanan dan keselamatan negeri kita ini dan laila masyarakat ramai, jujur dan ikhlas dalam pekerjaan menaruh ihsan dan belas kasehan yang tinggi serta amanah.

Baginda tidak ragu2 bahawa keamanan dan kerjasama yang ikhlas jujur menghalu ka-arab kebajikan itu ada-lah asas yang kuat bagi mendapatkan kehidupan yang makmor, sentosa dan bahagia.

Baginda penuh percaya bahawa hanya agama sahaja yang dapat memberikan bimbingan prinsipal ka-arab tujuan yang morni ini. Dan, tanpa agama kita tidak akan dapat mencapai matalamat2 kita yang besar sa-bagai manusia yang khamil atau sempurna baik di-dunia mau pun di-akhirat.

Dari petikan titah Baginda di-atas terdapat beberapa peringatan dan antara yang penting di-ingat ia-lah tentang tindak-tandok kita untuk mendapatkan kehidupan yang makmor, sentosa dan bahagia dengan tidak melupakan kegunaan kita yang telah membariskan dasar2 penting untuk mencapai tujuan itu dengan sempurna-nya.

Zaman kita hidup sekarang ini ternyata merupakan zaman ujian2 yang kadang-kala menggerunkan diri kita dan mungkin ujian2 itu akan lebih hebat lagi di-zaman anak-chuchu kita yang akan datang.

Sa-bagai satu bangsa yang sudah memasuki kehidupan yang di-katakan telah mengechap sa-bahagian dari nikmat2 kemajuan dunia sekarang ini, tentu-nya perkara itu sedikit sa-banyak-nya mengajak kita berfikir lebih mendalam untuk dapat menyainbangi-nya dengan selamat. Untok ini, maka dasar2 keugamaan mengambil tempat yang penting.

Dengan mengawal diri kita yang demikian itu, masalah mengekalkan keamanan dan keselamatan tidak akan menjadi masalah yang berat.

Tidak akan mudah terjadi pencherubohan ka-atas kemurnian keamanan dan keselamatan itu, jika kita berjaya mengawal diri dari berlaku tidak jujur dan tidak amanah yang menjadi punca besar keruntuhan sa-suatu bangsa dan sa-sabua negara.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika melafadzkan titah di-rapat raksaksa sa-bagai memperingati hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. di-Bandar Seri Begawan pada hari Rabu lepas.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan di-iringi oleh Setia Usaha Sambutan Maulud Awang Haji Abdullah (kanan) ketika berangkat untok di-perkenalkan kepada ketua2 pasukan yang menyertai rapat dan perarakan tersebut.

Perarakan besar2an sambut Maulud Nabi s.a.w. di-Ibu Kota

UMAT Islam di-Daerah Brunei-Muara telah menyambut hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. dengan mengadakan rapat dan perarakan sa-chara besar2an pada Rabu lepas.

Lebih dari 10,000 orang umat Islam dari 60 buah pasukan yang mewakili 2 kera-belia dan kebajikan, kampong2, jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan maktab2 serta shahar2 perniagaan telah mengambil bahagian dalam rapat raksaksa itu.

Pada mula-nya mereka berhimpun di-Padang Besar untok mendengar titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan sharahan khas mengenai kesah dan ajaran junjungan besar Nabi Mohammad s.a.w. Jabatan yang telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Sambutan, Hal Ehwal Ugama bagi pehak Pengerusi Di-Raja Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Raja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Perarakan sa-panjang dua batu telah di-dahului oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Penasehat Umum Yang Teramat Mulia D.Y.M.M. Al-Sultan, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Awatan-Atat Mulia Cheteria2, Pehin2 dan ahli2 berkuasa Sambutan Maulud. Perarakan itu telah bergerak sa-telah tembakan meriam sa-banyak 12 das di-lepaskan.

Sa-telah selesai berarak, peserta2 itu berkumpul di-Padang Besar untok menerima sharahan sempena sambutan Maulud itu. Setia Seri telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Sambutan2 yang sa-rupa itu juga akan diadakan di-Daerah Belait pada 7hb. Mei; Daerah Tutong pada 13hb. Mei dan Daerah Tutong pada 13hb. Mei.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2 dan ahli2 jawatankuasa sambutan Maulud mendahului perarakan tersebut.



Pasukan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ia-itu pasukan yang paling ramai sekali yang menyertai perarakan tersebut.

Salah sa-buah pasukan belia yang menyertai perarakan tersebut ketika melalui Jalan Chevatier.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika berangkat menyaksikan pasukan2 yang mengambil bahagian dalam rapat dan perarakan pada hari itu.

Awang Haji Abdullah bin Metassan, telah menyampaikan sharahan khas mengenai kesah dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w. bagi pehak Pengerusi Sambutan Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.



Peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam rapat dan perarakan bagi memperingati hari keputeraan Nabi Mohammad berkumpul di-Padang Besar Bandar Seri Begawan untok mendengar titah D.Y.M.M. dan sharahan khas sa-belum berarak mengelilingi bandar.




D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah duduk di-atas pentas khas samasa sambutan Maulud pada hari Rabu lepas.



Pasukan dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan mula bergerak meninggalkan Padang Besar untok berarak mengelilingi bandar dalam sambutan Maulud pada hari Rabu lepas.

Pasukan penuntut2 dan guru2 Sekolah Menengah Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara dengan mengusong lambang sekolah mereka juga ada-lah merupakan yang paling ramai dengan 850 orang penuntut menyertai perarakan tersebut.



Keputusan perlumbaan rentas desa sekolah2 Melayu dan Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Melayu Lamunin, Tutong Satu, telah berjaya menjadi johan perlumbaan rentas desa seluruh negeri dalam kumpulan lelaki 'A' dan 'B' dan telah berjaya memenangi piala hadiah dari Jabatan Pelajaran dan piala hadiah Shari'at Glamour.

Johan bahagian perempuan di-menangi oleh Sekolah Melayu Birau, Tutong Satu dan memegang perisai hadiah Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.

Kumpulan lelaki 'A', 'B' dan kumpulan perempuan aliran Inggeris di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris, Brunei Satu.

Bahagian perseorangan lelaki 'A' di-menangi oleh Awang Raya bin Sukar dari Sekolah Melayu Beribi. Lelaki 'B' di-menangi oleh Awang Mudin bin Mulok dari Seko-

lah Melayu Kasat dan bahagian perempuan di-menangi oleh Dayang Norpah bte. Latif dari Sekolah Melayu Putat.

Bahagian perseorangan lelaki 'A' aliran Inggeris di-menangi oleh Awang Suhailli bin Kula dari Sekolah Persediaan Inggeris, Bandar Seri Begawan. Lelaki 'B' di-menangi oleh Awang Salam bin Salleh dari Sekolah Persediaan Inggeris, Muara dan bahagian perempuan di-menangi oleh Dayang Laila bte. Arifin dari Sekolah Persediaan Inggeris, Bangar, Temburong.

Lebih 200 sertai peraduan trengkas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 200 orang calon akan mengambil bahagian dalam peraduan trengkas dan menaip aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan ini.

Ini-anja di-anjarkan oleh Jabatan

Pelajaran Bahagian Dewasa, sa-bahagian dari projek tahunan-nya.

Sa-ramai 74 orang akan menyertai peraduan trengkas, 137 orang peraduan menaip dan 15 orang dalam peraduan steno junior dan senior.

Sa-ramai 109 orang calon yang lain akan mengambil bahagian dalam peraduan seni menaip sistem Gregg dan seni trengkas, dan pertunjukkan menaip dan trengkas sistem tersebut akan di-adakan selama tiga hari mulai 1hb. Jun, bertempat di-bilik pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, yang terbuka kepada orang ramai untuk datang menyaksikan-nya.

Brunei berjaya memenangi Perisai Gibson

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei telah berjaya memenangi Perisai Gibson dalam perlawanan tinju yang di-adakan malam Ahad lalu di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Brunei mengalahkan Labuan dengan sa-puluh perlawanan berbalas tiga.

Sa-ramai 26 orang ahli tinju

SATU upacara perbarisan tamat lutehan bagi tujuh belas orang anggota pasukan bomba telah di-adakan di-kawasan Balai Bomba di-Muara pada hari Jumaat.

Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang E.C.G. Simpson telah memeriksa dan menerima tabek di-upacara tersebut.

Anggota2 bomba yang baru itu telah tamat lutehan pokok sa-lama tiga bulan di-balai bomba Muara.

Lutehan itu termasuk perbarisan, penggunaan alat2 pemadam api dan chara melawan kebakaran.

Anggota2 bomba itu telah juga di-ajarkan chara2 memelihara alat2 pemadam api itu.

Gambar atas, Awang Simpson menyampaikan perisai kepada anggota bomba yang terbaik.

Pelajaran Ugama Islam di-sekolah2

(Dari Muka 2)

lebih di-utamakan daripada orang yang sama lulus-nya dengan mereka yang tidak berpengetahuan Ugama dengan baik. Saya berani berkata lulusan2 dari sekolah itu tidak akan terbuang. Kechuali mereka mau menjadikan diri mereka terbuang.

2. Satu soalan lagi ia-lah: Apakah sebab Jabatan Hal Ehwal Ugama sangat2 bersungguh2 dalam menjalankan pelajaran Ugama ini? Dengan tujuan mau meminimalkan keraguan: Apa-kah gunanya sangat besar pelajaran Ugama itu? Adakah ia sama harga-nya dengan pelajaran Sains dan teknologi mithal-nya?

Saya rasa walau pun sudah sekian kali perkara ini di-jawab, ada baik-nya saya mengulangi pendapat dari segi pendidikan dan ilmiah. Maksud pelajaran biasanya sa-chara umum ia-lah untuk menjadikan murid2 itu tau dan dapat bekerja atas pengetahuan itu. Tetapi sa-chara umum telah di-akuai bahawa sifat pelajaran yang secularistic sahaja tidak memadai untuk membentok manusia yang baik dan sempurna. Ada hukum2 di-luar hukum 'alam yang tidak dapat di-jawab dan tidak dapat di-selesaikan oleh ilmu samata. Saya berikan satu contoh yang paling mudah. Sa-orang ahli ekonomi atau perniagaan tahu akan selok belok perniagaan dan tahu akan menjalankan kira2 sehingga ia boleh menipu para pelanggan dalam timbangan umpamanya. Ilmu pengetahuan yang secularistic tidak dapat menjawab: Apa-kah boleh ia menipu? Kemudian sekiranya-lah ada jawapan maka hukum manusia itu bersifat relative bergantung kepada kehendak2 dan kepentingan manusia yang di-pengaruh oleh hawa nafsu naluri. Maka mesti kita kembali kepada satu sumber hukum yang abadi dan kekal yang tidak di-pengaruh oleh hawa nafsu dan naluri — maka kita mesti kembali kepada Ugama kerana Ugama itu hukum-nya tetap dan di-buat oleh satu kuasa yang tidak seperti

manusia. Kembali kepada Ugama bererti mempelajari-nya dan tempat yang paling baik ia-lah sekolah. Satu pra-sangka yang lumrah ia-lah kanon-nya Ugama itu menyebabkan murid2 mundur dengan ma'ana lain lagi pelajaran Ugama itu satu pelajaran yang mundur juga. Ini ada-lah prasangka yang tidak di-sokong oleh fakta yang benar — Tuduhan ini palsu dan di-keluarkan hanya oleh orang2 yang tidak menyiasat. Bokti telah nyata di-mana2 sekolah yang memberikan pelajaran, maka pelajaran itu baik hasil-nya tidak menyebabkan murid lemah dalam Ilmu Hisab dan Sains bukan-lah kerana pelajaran Ugama itu tetapi kerana tidak ada-nya asas yang kuat dalam mata2 pelajaran itu dari sekolah rendah lagi.

Saya fikir jawapan yang pendek ini akan dapat di-fahami oleh tuan2 dan di-fikirkan.

Sekian-lah. Terima kaseh.



Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya menyampaikan Perisai Gibson kepada wakil pasukan Brunei, Awang Alias Abdul Rahman. Di-Sebelah kiri sedang memerhati ia-lah Setia Usaha Persatuan Tinju Amator Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Ketua

Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalon2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Tali-kom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 hendak sa-baik2-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi penga-laman praktikal yang luas dan ke-bolehan yang terbukti akan di-anggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai seku-rang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sabua badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai penge-tahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tam-bahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 3 EB 4 — \$1000 x 30-1120/EB/1160 x 30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan penga-laman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa per-chubaa sa-lama 6 bulan dan kon-trek boleh di-baharu dengan per-setujuan bersama. Bagi chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh per-chubaa.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 per-khidmatan boleh di-dapati dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Mereka yang telah dahulu me-mohon jawatan ini tidak perlu memohon lagi.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembali-kan bersama2 dengan salinan su-rat2 akuan dan siji2 kapada-nya tidak lewat daripada 16hb. Mei, 1972.

SA-BAGAI PEGAWAI AKHBAR

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan Pegawai Akhbar di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus peperiksaan Sijil Perse-kolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Pemohon2 mesti-lah mempunyai seku-rang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja dengan sa-sabua akhbar harian bahasa Inggeris atau Mela-yu atau dengan Perchetakan Ke-rajaan atau dengan Sharikat Be-rita Kebangsaan atau pun mem-punyai diploma dalam kewarta-wanan daripada sa-sabua badan yang di-akui serta mempunyai 2 tahun pengalaman sa-bagai warta-wan. Chalon yang berjaya di-ke-hendaki menyusun risalah2 pene-rangan dalam bahasa Inggeris dan Melayu serta menyunting skrip untuk siaran radio.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk un-tok memenohi jawatan Pemandu Tingkat II di-Jabatan Ukur, Kuala Belait. Keutamaan akan di-beri kapada orang2 yang tinggal di-Kuala Belait.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.
- Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki ke-roसान2 kecil.

Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Ja-batan dan bertugas di-mana2 tem-pat di-Daerah Belait.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3 — \$220x 5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 8hb. Mei, 1972.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — \$1000x30-1120/EB / 1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa per-chubaa sa-lama 6 bulan. Bagi cha-lun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 per-khidmatan boleh di-dapati dari-pada Pegawai Perjawatan, Peja-bat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembali-kan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kapada-nya tidak lewat daripada 25hb. Mei, 1972.

Tawaran membeli besi burok

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa daripada pembeli2 besi burok untuk membeli 3 buah kereta2 yang sudah lama dan rosak kepunyaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei. Keterangan2 mengenai kereta ini ada-lah saperti di-sebutkan di-bawah:-

- B.G. 807 — Bedford Mini Bus, Chassis No. CV1244155 Engine No. DA4/124188;
- B.G. 870 — Ford Thames 800 Van, Chassis No. 30446 Engine No. 400E/317900;
- B.G. 758 — Morris Mini Bus, Chassis No. 28902 Engine No. 151-N-L28036.

Kereta2 ini boleh-lah di-lihat di-kawasan Garage Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang berdekatan dengan Steshen Pemancar Radio di-Jalan Berakas, Brunei pada bila2 masa waktu bekerja.

Pembeli2 besi burok yang berjaya ada-lah di-kehendaki menjelaskan pembayaran-nya sa-belum ketiga2 buah kereta itu di-pindah-kan daripada kawasan garage Ja-batan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kertas2 tawaran hendak-lah di-kirim dalam sampul surat yang bertanda di-luar "TAWARAN UNTUK MEMBELI BESI BU-RUK" dan hendak-lah di-alamat-kan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Ke-wangan Negara, Brunei tidak lewat pada hari Sabtu 20hb. Mei, 1972 jam 4.00 petang.

DI-JABATAN PELAJARAN

Tugas2:

Pemeliharaan barang2 simpanan makmal; menyidiakan kerja2 per-chubaa; dan lain2 tugas yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (7 jawatan)

Kekosongan2 di:-

- Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.
- Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.
- Sekolah Menengah Melayu S.M.J.A., Bandar Seri Begawan.
- Sekolah Menengah Melayu Muda Mashim, Tutong.
- Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan.
- Sekolah Melayu Sengkuring, Sekurong.
- Sekolah Melayu Anggerek Desa, Jalan Berakas.

Kelayakan2:

Pemohon mesti-lah lulus seku-rang2-nya peperiksaan Sijil Ren-dah Pelajaran, atau yang sa-ban-ding dengan-nya, termasuk lulus dalam Bahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman be-kerja di-sasebuah perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — \$230 x 10-280/EB/290 x 15-380. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Per-jawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembali-kan kapada-nya tidak lewat daripada 6hb. Mei, 1972.

DI-JABATAN MUZIUM BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. ATENDAN PERPUSTAKAAN

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya pe-periksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai penga-laman bekerja dalam sa-sabua perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji FI-2-3-4

EB 5 — \$180x5-260/EB/270x10-290.

2. PEMUNGUT

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah lulus seku-rang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya dan boleh bertutor dalam atau lebih daripada bahasa2 daerah yang berikut saperti Tutong, Dusun, Murut, Iban dll. Keutamaan akan di-beri-kapada pemohon2 yang mempun-yai pengalaman bekerja dengan Muzium Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 2 EB 3 — \$260x10-290/EB/300x10-350.

3. PENCHUCHI

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 35 tahun dan mesti-lah tahu menulis dan mem-bacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji FI EB 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembali-kan kapada-nya tidak lewat dari-pada 6hb. Mei, 1972.

TITAH D.Y.M.M. DI-RAPAT MAULUD

(Dari muka 1)

Beta berharap kepada raayat beta yang menganut ugama Islam serta umat Islam di-dalam negeri beta Brunei Darus-salam sekalian akan terus menerus memandang tinggi kepada ugama Islam dan menghormati dan mengamalkan segala ajaran2 ugama Islam dengan bersungguh2.

Raayat beta sekalian sa-isi dalam negeri ini ada-lah menjadi kewajiban bertanggung-jawab pada menggalakkan dan menganjorkan pada mengawal keamanan dan keselamatan negeri kita ini dan laila masyarakat ramai jujur dan ikhlas dalam pekerjaan menaruh ihsan dan belas kasehan yang tinggi serta amanah. Kerana yang demikian itu, Insha Allah, Negeri Brunei akan beroleh keberkatan yang berkekalan ia-itu menjadi sa-buah negeri yang aman damai, makmor dan tidak ada sebarang kebimbangan atau ketakutan di-dalamnya. Dan dengan berkekalan suasananya aman dan selamat di-dalam masyarakat dan Negeri Brunei Darus-salam ini, Insha Allah akan dapat-lah kerajaan beta dengan kerjasama penoh daripada raayat sekalian meneruskan segala laila rancangan kemajuan dan usaha membena dalam segala lapangan atau jurusan yang di-perlukan oleh negeri.

Beta tidak-lah ragu2 bahawa keamanan dan kerjasama yang ikhlas jujur mengahala ka-arrah kebajikan itu ada-lah asas yang kuat bagi mendapatkan kehidupan yang makmor, sentosa dan bahagia, dan serta-nya apa yang kita perlukan mustahak pula di-ingat bahawa hanya ugama sahaja yang dapat memberikan bimbingan prinsipal ka-arrah tujuan yang murni itu. Tanpa ugama kita tidak akan dapat mencapai matalamat2 kita yang besar sa-bagai manusia yang khamil atau sempurna baik di-dunia mau pun di-akhirat.

Laila hadhirin sekalian.

Beta sukachita mengingatkan kepada mereka yang tinggal di-Negeri Brunei yang bukan beragama Islam mesti-lah patuh kepada perlembagaan tahun 1959 serta gubahan perjanjian tahun 1959 yang telah di-tanda-tangani pada tahun 1971 dengan rasmi-nya mengenai Ugama Islam.

Maka memandang peri mustahak-nya ugama ini, beta dan kerajaan beta ada-lah sangat2 mengambil berat terhadap perkembangan2 atau penyiaran da'awah Islamiyah yang telah dan sedang di-usahakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, sama ada melalui bidang2 pelajaran ugama di-sekolah2, maktab dan kelas2 dewasa, mesjid, dan berbagai2 usaha lain dalam bidang penerangan dan penerbitan.

Beta dan kerajaan beta sungguh perchaya bahawa matalamat pembangunan dan kemakmoran itu baru akan sempurna jika ugama menjadi teras-nya yang utama pada menyertai-nya dan tidak di-ketepikan oleh laila penganut2 Islam di-dalam Negeri Brunei Darus-salam ini. Sebab ajaran pokok ugama itu sendiri ia-lah menggalakkan pembangunan tetapi dengan tidak mengabaikan tanggung-jawab kita pada mengawal keselamatan dan mengekalkan keamanan supaya raayat dapat terus hidup dalam suasananya riang, sentosa dan laila bahagia.

Munasabah dengan sempena sambutan Maulud yang berkat ini, beta mengambil kesempatan

mengucapkan sa-tinggi2 tahniah dan penghargaan beta kepada seluruh umat Islam di-negeri ini khas-nya dan raayat beta yang di-kasehi am-nya. Mudah2an dengan berkat jujur dan ikhlas hati laila amanah, maka perhimpunan hari ini akan dapat taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu-wataala dan mendukung chita2 berbakti kepada-nya dan meninggalkan kesan2 yang amat baik, bakat2 yang berfaedah buat memelihara semangat bersafahaman, semangat pengartian, semangat bersaing pada benar2 laila mengeja logat makna sa-hingga lastip dan maufakat di-antara raayat dan penduduk negeri ini bagi sama2 laila berusaha pada memperkembangkan serta mengekalkan keselamatan, keamanan Brunei Darus-salam yang molek kecil minak yang isi di-dalamnya boleh di-katakan sangat sa-jamput.

Sekian. Assalamu - alaikum - wa-rahmatullah -he - wabarkatuh.

Tafsir Darus-Salam siri ke-5

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah Tafsir Darussalam Siri Ke-5 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei mula di-jual kepada orang ramai dalam masa perayaan Maulud

Sukan tahunan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa akan merasmikan sukan tahunan dan pasokan kadet Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan esok, 4hb. Mei, bertempat di-padang sekolah itu mulai pukul 8.00 pagi.

Di-temasha sukan itu akan diadakan pertunjukkan berkawat oleh Askar Melayu Diraja Brunei, pasokan kadet dan pertunjukkan gimnastik oleh penuntut2 sekolah tersebut.

Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohammad akan menyampaikan hadiah2.



Dalam lawatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja ka-Daerah Tutong itu, beliau telah melawat Balai Polis yang di-tempatkan di-bangunan jabatan2 kerajaan. Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat itu sedang mendengar penerangan Inspektor Adnan sa-masa lawatan beliau ka-Balai Polis itu. Di-tengah2 ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh.

Lawatan P.U.S.B. ka-Daerah Tutong

(Dari muka 1)

Ketua Kampong Tasek Merimbun, Awang Mohamad Noor yang juga turut dalam lawatan itu telah menerangkan berbagai perkara termasuk-lah mengenai kanak2 sekolah lebeh 30 orang yang berjaln kaki sa-jauh 12 batu sa-hari ka-Sekolah Melayu Rambai.

Dalam perjalanan pulang ka-Bandar Seri Begawan, Penasehat Umum telah sempat melawat Pusat Tanaman Perchubaa di-Birau dan menyaksikan tanaman kopi jenis Robasta dan Liberian dan lain2 kegiatan di-pusat itu.

Kolera di-Kuching

DAERAH Kuching dalam Bahagian Pertama Sarawak telah di-ishtiharkan kawasan wabak kolera.

Untuk mengelakkan penyakit itu dari merebak ka-negeri ini, orang ramai ada-lah dinasihatkan supaya mengambil langkah kesihatan yang ketat.

Mereka yang belum bersuntek bagi mencegah penyakit itu ada-lah di-seru supaya berbuat demikian dengan sebeberapa segera.

Sementara itu, rombongan penyutek telah menyuntek samurai 13,694 orang di-Daerah Brunei-Muara.

Kempen menyuntek yang dimulakan dalam awal bulan lepas akan di-teruskan sa-hingga 30hb. Mei ini.

Nabi pada 26hb. April, 1972 yang baru lalu, ia-itu serentak dengan penjualan Mimbar Hadith terbitan khas Jabatan ini bersempena perayaan Maulud tahun 1392/1972.

Majalah dan buku tersebut maseh lagi di-jual di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Tafsir Darussalam berharga 50 sen dan Mimbar Hadith berharga \$1.00.

Kongres Agong Perwakilan MBDB

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar akan merasmikan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Daerah Belait pada hari Jumaat, 5hb. Mei bertempat di-Dewan Pusat Belia, Kuala Belait.



Yang Di-Pertua Pertubuhan Perumpulan Wanita Brunei, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman (kanan) dan Dayang Rubiah bte. Janda yang telah berlepas ka-Kota

Kinabalu untuk menyertai seminar di-sana.

Seminar yang di-anjorkan oleh Persatuan Kebangsaan Belia Sabah akan di-adakan sa-lama tiga hari.